



## **SIARAN MEDIA**

### **UDA RAIKAN RAKAN MEDIA PAHANG DI HOTEL ANCASA ROYALE, PEKAN**

**Pekan, Pahang, 15 Mei 2014** : Kira-kira 50 pengamal media elektronik dan media cetak di Pahang telah diraikan oleh UDA Holdings Berhad dalam satu Majlis Makan Tengah Hari yang telah berlangsung di Hotel Ancasa Royale Pekan, Pahang baru-baru ini.

Selain dapat beramah mesra serta menikmati juadah yang enak, rakan-rakan media telah di bawa untuk melihat suasana dan persekitaran Hotel Ancasa Royale Pekan yang bakal dirasmikan tidak lama lagi dan mereka juga merupakan media terawal berpeluang melihat dan mengenal hotel ini secara eksklusif. Rakan-rakan media juga diuji minda dengan soalan-soalan trivia UDA dan membawa pulang hadiah-hadiah istimewa sumbangan dari UDA Holdings Berhad dan Hotel Ancasa Royale Pekan yang berupa *voucher* penginapan, *voucher* spa serta *voucher* Parkson. Selain itu, hadiah misteri turut diberikan

kepada rakan-rakan media menerusi slot cabutan bertuah bagi memeriahkan lagi majlis tersebut.

Turut hadir sama di Majlis Makan Tengah Hari tersebut adalah Tuan Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman (Naib Presiden Kanan, Bahagian UDA Leisure), Puan Rosniza Baharum (Naib Presiden, Seksyen Komunikasi Korporat) dan juga Puan Noraini Ahmad, Pengurus Hotel Ancasa Royale, serta kakitangan Komunikasi Korporat UDA dan Ancasa Royale, Pekan.

Menurut Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman, "Program ini diadakan bertujuan untuk mengenali rakan media di Pahang dengan lebih dekat lagi di samping menghargai kerjasama baik yang mereka berikan khususnya dalam memberikan liputan mengenai aktiviti-aktiviti anjuran UDA serta membantu menyalurkan maklumat syarikat kepada masyarakat. Pada masa yang sama, UDA juga mengambil kesempatan untuk memperkenalkan dan mempromosikan rangkaian terbaru Hotel UDA iaitu Hotel Ancasa Royale, Pekan."

"Hotel Ancasa Royale Pekan, Pahang merupakan salah satu rangkaian produk Ancasa Hotel & Resort yang bertaraf 4 bintang dan mempunyai lokasinya yang

sangat strategik iaitu berdekatan dengan bandar Kuantan dan juga tarikan utama Pekan seperti Muzium Sultan Abu Bakar, Sutera Folks Gallery, Galeri Air dan banyak lagi. Ancasa Royale Pekan ini mempunyai 133 bilik serta dilengkapi dengan kemudahan fasiliti dan perkhidmatan yang terkini. Ancasa Royale Pekan mengetengahkan gabungan konsep moden kontemporari dan reka bentuk traditional dilengkapi dengan ciri-ciri mewah yang bakal menjanjikan penginapan yang selesa kepada pengunjungnya. Dengan adanya pembangunan Hotel Ancasa Royale Pekan bertaraf 4 bintang ini, kami yakin ia bakal merancakkan lagi industri pelancongan di Pekan, Pahang. "ujar beliau lagi.

---

## TAMAT

### Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :-

Puan Rafidah Aris  
Ancasa Hotel & Spa Kuala Lumpur  
Jalan Tun Tan Cheng Lock  
50050 Kuala Lumpur  
Tel : 03-20266060  
Faks : 03-20263270  
Email : [prexec@ancasenet.com](mailto:prexec@ancasenet.com)

Puan Latifah Osman (Lat)  
Seksyen Komunikasi Korporat  
BB Plaza, Lot 111, Jalan Bukit Bintang  
55100 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2730 8469  
Faks : 03-2731 2855  
Email : [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com)  
H/P : 012-291542